

Headline	Sentiasa periksa pendawaian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	84 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,296
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,888



Hulu Langat

Sentiasa periksa pendawaian

Pengurusan sekolah tahfiz di seluruh negara diminta supaya sentiasa memeriksa pendawaian, Peranti Arus Baki (PAB) serta membaiki segera peralatan yang rosak bagi mengelakkan kemalangan membabitkan elektrik.

Pengarah Operasi Kawasan dan Penguatkuasaan Suruhanjaya Tenaga (ST), Ir Md Zakuan Ibrahim berkata, pemeriksaan berkala membabitkan PAB penting bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik dan melindungi nyawa sekiranya berlakunya kebocoran atau litar pintas.

“Selain itu, pihak pengurusan sekolah tahfiz juga dinasihatkan supaya tidak melakukan penyambungan



Pihak pengurusan sekolah tahfiz juga dinasihatkan supaya mengupah kontraktor berdaftar”

Md Zakuan Ibrahim

sendiri sebaliknya mengupah kontraktor berdaftar.

“Lebih penting, gunakan peralatan elektrik yang hanya mempunyai kelulusan SIRIM kerana ia lebih selamat dan tidak membahayakan nyawa,” katanya kepada Harian Metro selepas melawat Sekolah Tahfiz Al Quran dan Arab Malaysia (STAM) di sini, semalam.